

# Tiada halangan bangkit isu Dr. M

KUALA LUMPUR 6 Nov. - UMNO tidak akan menghalang mana-mana perwakilan untuk membahaskan isu bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung UMNO 2006 bermula minggu depan.

Bagaimanapun, Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad mengingatkan perwakilan supaya mengikut peraturan dan perlembagaan parti sebelum mengusulkan isu tersebut.

"Kita tidak memberitahu mereka (perwakilan) untuk tidak bercakap (isu yang dibangkitkan Dr. Mahathir), tetapi kita tahu kita berada di bawah perlembagaan UMNO.

"Kebanyakan pembahas tahu (tentang perlembagaan), kita sendiri tidak mengatakan (kepada perwakilan) supaya tidak bercakap (mengenai Dr. Mahathir)," katanya.

Bercakap pada sidang akhbar selepas taklimat Setiausaha Agung Kepada Wakil Media di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini, beliau bagaimanapun berharap perbincangan kali ini dapat membuahkan cadangan dan idea yang bernas.

Radzi berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada perwakilan ditegah daripada membahaskan atau mengusulkan isu bekas Perdana Menteri itu yang lantang mengkritik kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Mengenai kehadiran Dr. Mahathir pada perhimpunan kali ini, beliau berkata, bekas Presiden UMNO itu masih belum menjawab surat jemputan.

"Tun hanya dijemput pada hari perasmian Perhimpunan Agung 2006 pada 15 November ini," ujar beliau.

Mengulas arahan Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak yang tidak mahu perwakilan menyentuh isu peribadi dalam perhimpunan kali ini, beliau berkata, memang terdapat garis panduan yang jelas dalam perlembagaan parti berhubung perkara itu.

"Tiap-tiap tahun (Perhimpunan Agung UMNO) kita ada peraturan, mana-mana pihak tidak boleh sentuh isu peribadi, ada garis panduan, jadi kena ikutlah. Perhimpunan Agung ini adalah forum perbincangan terbesar di negara kita," tegas beliau.